

PENDIDIKAN DAN UNDANG-UNDANG

PELAJARAN

Kertas kerja seminar ini bertemakan

Pendidikan dan Undang-Undang, pada 24-26 November

24HB-26HB NOVEMBER 1986

Penulis: Professor Fatimah Hamidon

Fakulti Pendidikan

Universiti Malaya.

KERTAS KERJA

yang dipengerusikan oleh Profesor Dr. Fatimah Hamidon dalam laporannya pada tahun 1979 akhirnya telah berasusila bagi guru-guru. Laporan tersebut juga menyatakan perenggan sebagai latarbelakang kerisik dan pelik dalam pengajaran yang memerlukan apa yang harus dan tidak harus dilakukan. Sepuluh daripada

kulliman ini adalah tentang etika profesional. Tujuan surianya adalah panduan tugas

**SATU KANUN ETHIKA BAGI PROFESION PERGURUAN
DAN PENGUATKUASAANNYA**

OLEH

PROF. FATIMAH HAMIDON
FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA

Surat atau prasyarat ini di sampaikan dalam bentuk surat yang dikenakan ketika semilir calon-calon untuk latihan guru? Adakah ajaran atau garis-garis panduan berasusila guru diajukan dalam kursois latihan guru-guru? dan sebagainya.



berbentuk

**KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN
MALAYSIA**

(NATIONAL UNION OF THE TEACHING PROFESSION)

13B, JALAN MURAI DUA, KOMPLEKS BATU, JALAN IPOH,
KUALA LUMPUR. TEL: 6265163/6268589.

Satu Kanun Etika bagi Profesyen Perguruan dan

Pengkuatkuasaanya

(Kertas kerja untuk Seminar Kebangsaan mengenai
Pendidikan dan Undang-Undang, pada 24 - 26hb.

November, 1986, Kuala Lumpur.)

Penulis: Professor Fatimah Hamid Don

Fakulti Pendidikan

Universiti Malaya.

Suruhanjaya Diraja mengenai Perkhidmatan Perguruan Malaysia Barat yang dipengerusikan oleh Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd. Zain dalam laporannya pada tahun 1971 ada mengesyorkan satu kanun tatasusila bagi guru-guru. Laporan tersebut juga ada memberi beberapa perenggan sebagai latarbelakang kanun dua-puluh dua (22) kalimah yang menetapkan apa yang harus dan tidak harus dilakukan oleh seorang guru. Sepuluh daripada kalimah ini adalah larangan (shall not), dan dua-belas daripadanya adalah panduan tugas, sikap dan nilai yang harus diamalkan.

Perenggan 28.84 yang bermula: "Our society recognises the influence a teacher has over a child menegaskan betapa pentingnya bagi seorang yang memasuki perkhidmatan guru mempunyai tingkahlaku dan perangai yang baik. "A high standard of personal conduct is expected of the teacher by the community in which he is employed. This standard is to be regarded, not as an imposition, but as a prerequisite of teaching." Kita mungkin boleh bertanya: bagaimakah syarat atau prerequisite ini di kuatkuasakan? Adakah syarat ini dikenakan ketika memilih calon-calon untuk latihan guru? Adakah ajaran atau garis-garis panduan tatasusila guru diwajibkan dalam kursus latihan guru-guru? dan sebagainya.

Perenggan 23.85 menyentuh aspek pengkuatkuasaan. Petikan darinya berbunyi: "The enforcement of ethics is generally effected by the registration or by the cancellation or suspension of the practising

licence. A body consisting of members of the profession - in some case with the addition of Government representatives - forms the governing board which is responsible for the enforcement of ethics. It is the duty of the governing board to take cognizance of any infraction of the code of ethics and to impose penalties for any breach thereof, which may include suspension of the practising licence or cancellation of registration."

Badan seperti yang dimaksudkan, pada makluman saya, belumlah

wujud lagi di negara kita. Satu Suruhanjaya Perkhidmatan Guru-Guru ada terdapat pada masa ini, tetapi badan itu tidaklah menjalani kuatkuasa seperti yang di maksudkan oleh Laporan Aziz (1971). Malah saya dapati ramai di kalangan guru dan pendidik tidak mengetahui bahawa adanya Suruhanjaya ini. Dengan itu tugas dan peranan Suruhanjaya tidaklah diketahui oleh para guru dan pendidik. Samada Suruhanjaya ini sepatutnya menjadi badan kuatkuasa ethika terpulanglah kepada

- (i) Adakah satu kanun yang boleh dikuatkuaskan? (ii) Siapakah keahlian badan tersebut, dan (iii) Apakah hubungan badan ini dengan badan profesional pendidikan dan kerajaan dan agensi-agensi yang berkenaan?

Perenggan 23.86 menyatakan keadaan perkhidmatan perguruan semasa Laporan Aziz itu disediakan. Pada masa itu belum lagi ujud satu perkhidmatan pelajaran, perguruan ataupun pendidikan; masih terdapat sekolah-sekolah swasta, sekolah 'vernacular' dan sekolah rakyat. Kata Laporan itu: "We envisage that it may take sometime before the extreme diversity of educational standards can be rationalised. It is highly unlikely that such extremes would allow for the establishment and full recognition of teaching as a profession."

Kini limabelas tahun sudah berlalu. Sudahkah sampai masanya bagi perkhidmatan guru ataupun pendidikan mendapat pengiktirafan penuh sebagai satu profesi? Atau adakah taraf ini hanya dimiliki oleh pentadbiran

pentadbir pendidikan dan para akademik sahaja? Bagaimanakah caranya seseorang itu mendapat taraf ahli badan profesionalnya menjadi pemimpinnya?

I. granti

Laporan Aziz seterusnya mencadangkan seperti berikut: "In the interim, it is suggested that every teacher who obtains a certificate to practice under the existing laws should be bound by a code of ethics ... which should apply to the teaching profession. There should be a governing body concerned, in the main, with the enforcement of these rules. We, however, leave it to the members of the teaching profession themselves to decide on the manner in which the rules should be enforced and the type and composition of the governing body that should be set up to deal with enforcement."

Kedudukan cadangan "Code of ethics" Suruhanjaya DiRaja 1971 pada hari ini tidak begitu jelas. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya pada tahun 1976 telah cuba memperkenalkan tatasusila ini sempena perayaan hari guru tahun tersebut. Berdasarkan kepada cadangan Laporan Aziz, satu pakatan tenaga akademik (terdiri daripada Fatimah Hamid Don, Ling Chu Poh dan Francis Wong) telah menyusun kata-kata pendahuluan (preamble) kepada senarai kalimah "Code of Ethics" Laporan Aziz.

Mukhadimmah itu memperkatakan lima prinsip utama tugas dan perkhidmatan guru yang berbunyi:

"Kami, Guru-Guru Malaysia, percaya dan mendukung prinsip-prinsip dan cita-cita negara seperti yang tercatat di dalam Rukunegara. Kami menuruh kepercayaan bahawa pendidikan adalah alat utama bagi memupuk batu asas bagi cita-cita dan nilai ini di kalangan belia muda-mudi dan dalam generasi seterusnya. Kami percaya bahawa kami sebagai para pendidik mempunyai komitmen serta amanah negara dalam tanggungjawab bagi menghayati cita-cita ini, sebaik-baik daya dan kebolehan kami.

Dengan keinsafan ini, kami sebagai ahli profesion pendidikan berazam komitmen kami, dedikasi dan sokongan kami berdasarkan prinsip-

prinsip berikut:

Prinsip I

Tanggungjawab utama perkhidmatan pendidikan ialah membimbing kanak-kanak, belia dan muda-mudi dalam usaha menuntut ilmu, kemahiran dan nilai-nilai, supaya menolong mereka menjadi warganegara Malaysia yang berguna, bahagia, berdikari dan bertanggungjawab. Kemajuan ke arah mencapai mutu kehidupan yang diidami untuk negara kita adalah terletak pada tanggungjawab sosial, keupayaan ekonomi, semangat dan kekuatan moral, rohani dan jasmani setiap individu warganegara Malaysia.

Prinsip II

Perkhidmatan pendidikan memegang amanah negara dan rakyat bukan sahaja dari segi kelakuan dan tingkahlaku peribadi guru, tetapi adalah juga dalam interaksi guru dengan sekolah, sekolah dengan masyarakat, dan pendidik dengan kerajaan. Pendidikan adalah paling berkesan bila hubungjalin semua pihak ini berfungsi dalam suasana mesra, kerjasama, membina dan profesional.

Prinsip III

Para pendidik hendaklah berkhidmat dalam suasana hormat saling menghormati dan berkerjasama dengan pihak Kerajaan bagi mempertingkatkan mutu sekolah dan pendidikan sebagai matlamat utama. Para guru hendaklah dilibati secara memberi cadangan-cadangan yang membina kepada usaha-usaha Kerajaan, bukan secara mengkritik mengutuk. Dalam perkara ini guru-guru yang mahir dan berpengalaman hendaklah membantu dan membimbangi mereka yang baharu masuk berkhidmat, dan sambutan sewajar sebaliknya.

Prinsip IV

Para pendidik berkongsi tanggungjawab dengan ibubapa dalam tugas mengasuh dan mendidik kanak-kanak kearah memperkembangkan pertumbuhan jasmani, rohani, intelek dan sosial, serta membangkitkan motivasi dan

nsb amanah sebab ia yang penting. Ia mampu mengalih alih dan membawa dorongan yang berguna dan berfaedah.

Prinsip V

Dalam hal tingkah laku peribadi, para pendidik adalah tertakluk dibawah undang-undang negara. Berkaitan dengan ini cadangan kanun ethika Laporan Aziz hendaklah di ambil perhatian sebagai panduan. (Lihat Lampiran 1).

Beberapa Pendapat mengenai Kanun Ethika

1. Tingkah laku Guru

"Tingkah laku yang tidak menjatuhkan maruah profesion pendidikan dan yang tidak mengurangkan keyakinan masyarakat terhadap profesion" adalah disebut dalam kanun Aziz. Saya rasa ini penting, tetapi syarat ini hendak dikenakan kepada semua pihak dalam profesion pendidikan, bukan kepada guru sahaja. Kriteria-kriterianya janganlah terlalu remeh-temeh seperti rambut, hujung kain, kemeja di dalam atau di luar, pakaian sukan dan sebagainya. "Maruah profesion" hendaklah terletak pada keberkesanan pengajaran, kerajinan, kemahiran dan pengetahuan guru. Maruah guru terjejas sekiranya guru membuat sesuatu secara membuta-tuli (kerana arahan) sehingga tidak mempunyai unsur profesionalisme ataupun akal fikiran rasional sendiri.

Arahan yang tidak profesional ataupun yang menentang prinsip profesion hendaklah di kemukakan kepada badan yang bertanggungjawab. Ketiadaan badan seperti ini adalah satu kekurangan besar dan perlu mendapat perhatian segera.

Kelakuan peribadi pihak berkuasa yang menjejas perkhidmatan tenaga dibawahnya juga perlu diawasi. Pernah berlaku pihak yang diberi kuasa mengabaikan tenaga kanan di bawahnya kerana kepentingan peribadi. Ini merugikan negara dan menjadikan profesion pendidikan tidak sihat.

Kes-kes diskriminasi terhadap guru, layanan yang tidak saksama dan sebagainya - siapakah yang bertanggungjawab? Tidakkah tindakan disiplin juga patut dikenakan kepada pegawai yang lalai atau berpihak secara tidak adil?

2. "Absolute honesty and impeccable integrity shall be the guiding factor in all its dealings." Ini hendaklah nilai ideal untuk semua manusia, bukanlah untuk guru semata-mata. Guru hendaklah berkelakuan rasional, bertimbangrasa dan tahu bila "absolute honesty" itu mesti diselubungi dengan kata-kata perangsang dan nasihat.

3. Kewajipan utama guru memanglah kepentingan muridnya.. Begitulah juga hendaknya kewajipan pendidik seluruhnya. Tetapi pada realitinya, pendidik yang mementingkan hal-hal yang lain yang mendapat ganjaran dan kenaikan pangkat. Seperti guru-guru yang meninggalkan darjah untuk mengikuti pelajaran tinggi dan setelah memperoleh kelayakan dinaikkan pangkat, walaupun keberkesanannya belum pasti bertambah atau baik.

Bagaimana?

Berkaitan dengan ini saya ingin mengemukakan perkara mengenai perlantikan pengetua dan guru besar sekolah. Jawatan-jawatan ini adalah penting dan perlukan guru yang berkemampuan dan berdedikasi bagi memaju dan mempertingkatkan prestasi sekolah. Oleh yang demikian jawatan pengetua itu janganlah hendaknya dijadikan tangga melompat, tetapi dianggap sebagai kemuncak profesion dimana seorang guru mendapat taraf pemimpin. Seorang guru besar sepatutnya diberi peluang memimpin sebuah sekolah sekurang-kurangnya sepuluh tahun. Ini tidaklah bermakna tanggagajinya tersekat, tetapi terus naik seperti juga pangkatnya sekiranya wajar dinaikkan. Guru-guru besar sebagai pemimpin yang berkesan boleh membina tradisi sekolah dan hendaklah menikmati kedudukan yang dihormati oleh masyarakat, guru, para akademik dan juga murid-murid. Seorang pengetua yang berupa semata-mata pentadbir bukanlah seorang pemimpin profesion pendidikan yang sebenarnya.

4. "Seorang guru tidak seharusnya menggalakkan "private tuition".

Jika motivasinya wang, ini tentulah salah dan tindakan perlu diambil sewajarnya. Tetapi mungkin juga guru merasa tidak puas hati dengan kaedah yang diarah ataupun diwajibkan oleh pihak-pihak tertentu. Ia mungkin juga mempunyai kaedah yang lebih berkesan dan yang teruji dari segi kejayaan murid-muridnya dalam peperiksaan. Oleh itu, saya rasa ganjaran hendaklah diberi kepada guru yang berkesan dan memberangkan mereka menggunakan kaedah-kaedah yang berbagai-bagai. Pengajaran-pengajaran tambahan oleh guru hendaklah dibuat dengan pengetahuan sekolah dengan pengiktirafan dan ganjaran yang sewajarnya. Tidaklah menentang ethika profesional bagi seorang guru hendak membantu kejayaan murid-muridnya.

5. Akhir sekali saya ingin menyentuh ayat terakhir dalam kanun ethika yang berbunyi: "He should not advertise himself in lauditory terms for a specific teaching position." Kata mestilah dikota. Sekiranya seorang guru itu berkebolehan ia hendaklah diberi galakkan mengumumkan kebolehannya samada melalui penulisan, ceramah, tunjukajar, berseminar dan seterusnya. Tanpa galakkan seperti ini banyak bakat yang terpendam dan yang terhilang. Oleh itu ayat diatas tidaklah perlu di masukkan didalam kanun ethika.

Satu kanun ethika sememangnya perlu diadakan. Buat masa ini nampaknya, kita belum lagi ada satu susunan yang boleh diterima umum. Oleh itu kita hendaklah berusaha menggubal satu kanun yang jelas, praktikal dan yang mudah difahami oleh kebanyakan guru-guru. Sebaran yang luas kanun yang dipersetujui adalah mustahak untuk ianya dihayati oleh semua pihak, kalau tidak ia akan senasib dengan syor Laporan Aziz. Maktab-maktab perguruan, universiti-universiti dan institusi-institusi pendidikan dan pelajaran yang terlibat dalam persediaan dan pengambilan guru hendaklah memainkan peranan masing-masing bagi memperkenalkan kanun ethika sepanjang masa.

"moral yang tidak adil dan jujur bagi dirinya sendiri dan orang lain". Dikatakan disiplin ilmiah dalam sebuah tulisan bahwa "synthesis" atau "mergatikan" berarti secara teknis mengintegrasikan berbagai sumber dan hasil penelitian yang berhubungan dengan topik penelitian. Jadi jika berlaku "malpractice" semua pihak adalah terlibat seperti murid-murid tidak berliterasi (atau berkemahiran dasar) setelah beberapa tahun di bangku sekolah, kanak-kanak yang dianggap lemah akal walaupun ini belum didiagnosiskan secukupnya, amalan-amalan pengaliran yang menyebabkan peluang pendidikan menjadi tak seimbang, dan berbagai lagi keskes yang harus diberi perhatian. Lebih penting lagi, para pendidik hendaklah memahami apakah missi pelajaran dan persekolahan keseluruhannya.

Soal: apakah "educational malpractice" perlu dijelaskan. Pada masa ini guru-guru dan kebanyakan pendidik hanya bertugas mengikuti arahan-arahan pihak yang lebih berkuasa. Jadi jika berlaku "malpractice" semua pihak adalah terlibat seperti murid-murid tidak berliterasi (atau berkemahiran dasar) setelah beberapa tahun di bangku sekolah, kanak-kanak yang dianggap lemah akal walaupun ini belum didiagnosiskan secukupnya, amalan-amalan pengaliran yang menyebabkan peluang pendidikan menjadi tak seimbang, dan berbagai lagi keskes yang harus diberi perhatian. Lebih penting lagi, para pendidik hendaklah memahami apakah missi pelajaran dan persekolahan keseluruhannya.

Soal: apakah "educational malpractice" perlu dijelaskan. Pada masa ini guru-guru dan kebanyakan pendidik hanya bertugas mengikuti arahan-arahan pihak yang lebih berkuasa. Jadi jika berlaku "malpractice" semua pihak adalah terlibat seperti murid-murid tidak berliterasi (atau berkemahiran dasar) setelah beberapa tahun di bangku sekolah, kanak-kanak yang dianggap lemah akal walaupun ini belum didiagnosiskan secukupnya, amalan-amalan pengaliran yang menyebabkan peluang pendidikan menjadi tak seimbang, dan berbagai lagi keskes yang harus diberi perhatian. Lebih penting lagi, para pendidik hendaklah memahami apakah missi pelajaran dan persekolahan keseluruhannya.

LAMPIRAN I.

- 5 -

- 3 -

We, the teachers of Malaysia, believe and uphold the principles and ideals of our nation enunciated in the Rukunegara. We believe that education is the key instrument for laying the foundations of these ideals and values in our youth and generations to come. We believe that we as educators are committed and entrusted with the responsibility of realizing these ideals to the best of our ability.

Realizing the above, we the members of the education profession pledge our commitment, dedication and support to the following principles:-

Principle I

The primary obligation of the teaching profession is to guide children, youth, and adults in the pursuit of knowledge, skills and values, to help them become happy, useful, self-supporting and responsible citizens. Progress towards a cherished quality of life for our nation as a whole lies in the social responsibility, economic competence, moral and spiritual strength of every individual Malaysian.

Principle II

The teaching profession occupies a position of public trust involving not only the individual teacher's personal conduct, but also the interaction of the school and the community. Education is most effective when these many relationships operate in a friendly, cooperative and constructive manner.

Principle III

Members of the teaching profession serve under an atmosphere of mutual respect and cooperation with the improvement of the school and education as the primary objective where improvements are necessary. Teachers should offer constructive suggestion, not destructive or condemning criticism. To our new colleagues, we must also be ready to

render assistance and guidance.

Principle IV

Members of the teaching profession share with parents the task of shaping each pupils growth, developments and motivation toward socially acceptable ends.

Principle V

In personal and professional conduct, the teacher should be guided by the professional code of ethics as outlined in the Aziz Report, pages 189-191.

Suggested Code of Ethics

1. No teacher shall conduct himself in a manner which is derogatory to his professional character, and which is likely to bring a profession into this repute or to lessen the confidence of the public in the profession.
2. He shall not conduct himself in such a manner as to place himself in serious pecuniary embarrassment.
3. Absolute honesty and impeccable integrity shall be the guiding factor in all its dealings.
4. Its first duty is to his pupils. His pupils' interest must not be sacrificed upon the altar of selfishness, community responsibilities, union interests or personal pleasures.
5. He shall be fully devoted and committed to the needs of every pupil.
6. He shall give off his best all the time to all his pupils irrespective of race, creed or religion.
7. He should act in "loco parentis" or "parent surrogate" in the task of taking each pupils' purposes and actions towards the attainment

of socially acceptable ends.

8. He shall deal justly and impartially with all pupils, without distinction or discrimination on account of race, colour, sex, language, religion, political or other opinion, national or social ~~aliqua~~ religion, property, birth, intellectual, academic or other status, whether of the pupils themselves or their families.
9. He should recognise the individual differences among the pupils and to help them to achieve their fullest attention with regard to their physical, intellectual, creative and spiritual endowments.
10. He shall respect the right of every pupil to have confidential information about himself with held except when its release is to authorised agencies or is required by law.
11. He shall not behave towards his pupils in any manner that would tend to bring discredit on the honour or dignity of the profession.
12. He shall not impart any instruction which is detrimental to the interests of the pupils, the public or the nation.
13. He should inculcate in his pupils attitudes which would help and guide them to grow up into loyal and useful citizens.
14. He shall not say or do anything which will tend to undermine the pupils' confidence in their parents/guardians.
15. His conduct should be a worthy example for his pupils.
16. He shall not, unless lawfully authorised, receive payment from his pupils in respect of any additional classes or tuition whether held during the term or school holidays.
17. He shall not canvass for private tuition.

- 2 -

- 3 -

- 4 - . abus society acceptable sum

18. He shall not impose his religious, political or other private beliefs to his pupils.
19. He shall neither solicit nor receive rewards from parents, pupils or members of the public in appreciation of his professional duties performed in the course of his employment.
20. He shall not injure the professional reputation of another teacher.
21. He shall seek employment or promotion only by fair and legitimate means (i.e., on the basis of competence).
22. He shall not advertise himself in laudatory terms for a specific teaching position.

Extract from "Revised Report of the Royal Commission on the Teaching Services, West Malaysia by Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd. Zain (Aziz Report), Kuala Lumpur, June 1971 pp.189 - 191.